

BAHAGIAN A Soalan Objektif

Praktis 1

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Marfologi (Ara R)

- 1 "Segala titah tuanku akan _____
laksanakan dengan segeranya," sembah
Hang Tuah kepada Sultan Mansur Shah.

A saya C patik
B beta D hamba

- 2 Tangan Kak Najlah berbau _____
selepas dia menyangi ikan keli.

A hapak C hamis
B hanyir D hangat



Wafi _____ datuknya yang kurang
sihat itu ke bilik air.

A menarik C memegang
B memapah D mengusung

- 4 _____ roda basikal Kishen sudah
berkarat.

A Jejari C Tetupai
B Sesiku D Lelangit

- 5 _____ orang lebih suka bekerja
sendiri daripada bekerja makan gaji.

A Setiap C Beberapa
B Semua D Seseengah

- 6 Cuaca di perkampungan nelayan itu pada
waktu malam sejuk _____.


A agak
B benar
C terlalu
D paling

- 7 Burung helang itu terbang rendah lalu
hinggap di _____ sebatang dahan.

A atas
B bawah
C hadapan
D belakang

- 8 Hakisan yang teruk _____ penduduk
yang tinggal di kawasan itu berpindah
ke tempat lain.

A meminta
B menyuruh
C memaksa
D mengajak




Kami duduk di dalam pondok _____
itu sementara menunggu hujan teduh.

A luas C besar
B lebar D kecil

- 10 Banyak sungguh _____ di dalam longkang itu.
A lelabah
B lelabu
C jejentik
D pepijat

- 11 Harga rumah yang _____ tinggi menyukarkan golongan muda di negara ini untuk memiliki rumah sendiri.
A terlalu
B sekali
C betul
D nian



- Lalat _____ bangkai tikus di tepi longkang itu.
A mendekati
B mengekori
C mengerumuni
D menyelubungi

- 13 Sofea dan Su Ying berkenalan semasa _____ menyertai aktiviti Kem Bina Jati Diri di Kuantan.
A kita
B kami
C kalian
D mereka

- 14 Air mata Puan Maisarah _____ tatkala melihat keadaan anak yatim piatu itu.
A berdikit-dikit
B berderet-deret
C berderai-derai
D berduyun-duyun

- 15 Pemuda itu menggunakan sebuah _____ untuk meratakan tanah kepunyaan Haji Malik.
A kugiran
B jentolak
C debunga
D pawagam

- 16 Sudah hampir _____ jam Zarul menunggu kawan baiknya di perhentian bas itu.
A seluruh
B sesuatu
C setiap
D suku

- 17 Budak lelaki itu bercakap _____ kerana ketakutan.
A terkial-kial
B terburu-buru
C tergagap-gagap
D terhendap-hendap

- 18 Alangkah _____ Husna apabila berjaya memenangi pertandingan pidato peringkat daerah.
A malunya
B sedihnya
C takutnya
D gembiranya

- 19 Budak yang lemas di sungai itu _____ tidak dapat diselamatkan jika lambat dibawa ke hospital.
A mungkin
B perlu
C mesti
D dapat

- 20 Kereta yang dipandu dengan _____ itu terbabas lalu melanggar pembahagi jalan.
A lajunya
B kuatnya
C cepatnya
D hebatnya

- 21 Pertandingan pakaian beragam itu terbuka kepada golongan kanak-kanak _____.
A memang
B sahaja
C cuma
D lagi

- 22 Khalish _____ kakinya kerana gatal.
A melihat-lihat
B memicit-micit
C menggaru-garu
D memukul-mukul